

13 AUG 2000

SUKAN: PERDANA MENTERI LANCAR KEJOHANAN KART INDY ENDURO LANGKAWI

LANGKAWI, 13 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Kejohanan Kart Indy 40 Enduro Cabaran Langkawi 2000 di Litar Lumba Kart Morac Antarabangsa di sini.

Kejohanan dua hari yang bermula semalam itu menampilkan 112 pelumba daripada 22 pasukan termasuk empat pelumba dari Formula Ford, England.

Lain-lain pasukan yang turut bertanding ialah dari Itali, Jepun, Singapura, China dan Malaysia.

Kesemua pelumba ini akan bertarung merebut Piala Perdana Menteri dalam kejohanan yang diadakan sempena Hari Kebangsaan.

Turut dipertandingkan ialah Kejohanan Kart Prix Formula Rotax 125 yang bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat serta sebagai asas pemilihan pelumba mewakili negara pada Kejohanan Dunia di Puerto Rico yang dijadual akhir tahun ini.

Ia dianjurkan oleh Mofaz Motosport Sdn Bhd, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Kelab Motosport Langkawi.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian yang juga anggota parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib dan Pengurus Besar Lada Datuk Zainal Karib Abdul Rahim.

-- BERNAMA

NH/MAN RON